



KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

"OPERASI KHAS TERHADAP KENDERAAN BARANGAN KESALAHAN TEKNIKAL DAN LEBIH MUATAN"

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia telah menerima aduan daripada orang awam berhubung **kenderaan barangang berat** yang disyaki membawa muatan melebihi had yang ditetapkan di laluan **Lebuhraya Changkat Jering, Taiping hingga ke Bukit Merah, Perak**. Sehubungan itu, JPJ telah menggerakkan pasukan risikan untuk pemantauan bagi mengesan pergerakan dan modus operandi kenderaan barangang berkenaan.

Hasil daripada pemantauan tersebut, JPJ telah berjaya menahan dan menyita sebanyak tiga (3) buah lori yang disyaki membawa muatan secara berlebihan, serta pelbagai kesalahan teknikal lain di bawah **Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987** dan **Akta Pengangkutan Awam (APAD) 2010** termasuk tiada lesen memandu (CDL), tiada lesen Vokasional (GDL) dan mengajikan pemandu di bawah umur bagi pemanduan kenderaan barangang berat. Jika disabitkan dengan kesalahan-kesalahan di bawah Akta-Akta berkenaan, seperti kesalahan lebih muatan di bawah **Seksyen 57(1) Akta Pengangkutan Awam Darat (APAD) 2010**, pihak syarikat boleh didenda maksimum sehingga RM500,000 dan penjara tidak melebihi dua (2) tahun.

Selaras dengan itu juga, pihak JPJ akan meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan yang lebih tegas termasuk melaksanakan tindakan penyitaan di bawah **Seksyen 64(1) APJ 1987** dan **Audit Pemeriksaan dan Keselamatan Kenderaan Perdagangan (JISA)**, terhadap mana-mana syarikat yang terlibat mengikut peruntukan

di bawah APAD 2010, di mana kegagalan mana-mana syarikat dalam audit JISA ini juga akan diambil tindakan penggantungan dan pembatalan lesen pengendali berkaitan.

Pada amnya, pihak JPJ **memandang serius** terhadap tingkah laku pelanggaran peraturan jalan raya dan kegagalan menyelesaikan kes-kes dalam tempoh masa yang ditetapkan, selain kerap melakukan kesalahan berulang yang akan menjadi punca kepada kemalangan maut membabitkan kenderaan berat di negara ini. Justeru itu, JPJ **memberi amaran** dan peringatan yang tegas kepada semua pengusaha syarikat dan pemandu lori untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan seperti menjamin tahap **roadworthiness** dan **mematuhi had muatan yang dibenarkan**, bagi keselamatan nyawa dan harta pengguna jalan raya, jua.

Sekian, terima kasih.

KETUA PENGARAH
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA

27 JULAI 2022

[TAMAT]